



DESA SISWA
MAJLIS PENGAJIAN

SAGA

EDISI MAC 2010



jom relaks@saga
sambungan kisah cinta
asma' sofia

INFO@saga
apa warna
kamu??
makanan yang
baik untuk minda

SMS@saga
BENA
TOT
SUKAD@kejut
SUKAD@kesit
KENDURI
SEKAMPUNG
GROOMING
CLASS

sinar hidayah@saga
demam: percikan api neraka



Sekapur Sireh...

Assalamualaikum...

Buat tatapan warga Saujanarians yang dikasih sekali, Buletin SAGA edisi Mac ini akhirnya dapat kami siapkan dengan jayanya. Untuk pengetahuan semua, Buletin SAGA edisi Mac ini merupakan buletin yang terakhir pada sidang 2009/2010. Menurut rekod bilangan sepanjang sidang ini, sudah 5 edisi SAGA telah kami keluarkan dan prestasi ini adalah amat memuaskan. Terima kasih kepada yang terlibat dan tahniah diucapkan.

Masa begitu pantas berlalu, dan di akhir semester 2 ini, kita semua bakal menempuhi Peperiksaan Akhir Tahun bermula 19 April 2010. Apakah anda semua sudah lengkap dengan ilmu sebagai bekalan untuk masuk ke dewan peperiksaan?? Adakah anda masih sibuk dengan urusan kerja di USM ?? Assignment dan 'Minggu Kuiz Sedunia' ?? Semuanya sibuk dengan kerja-kerja lain bukan. Walau bagaimanapun, kita haruslah pandai membahagikan masa. Tidak lupa juga kita perlulah memastikan diri kita sentiasa di dalam perlindungan dan pertolongan Yang Maha Esa. Setiap perbuatan kita haruslah dengan niat yang baik kerana Allah.

Diharapkan agar semua pembaca SAGA dapat menseimbangkan pencarian untuk diri sendiri dan duniawi. Akhir kalam, selamat maju jaya kepada semua, dan jangan lalai tau.

Salamanisetiabadi..



Isi Kandungan

Seraut Kalam	3
Personaliti	4-5
-Dr Azidah: Felo Desasiswa Saujana	
Sinar Hidayah	6
-Demam : Percikan Api Neraka?	
SMS	7-13
-Bengkel Pemantapan Akademik	
-SUKAD @ Kampus Kesihatan	
-DPNC	
-SUKAD @ Kampus Kejuruteraan	
-Kenduri Sekampung	
-TOT	
-Grooming Class	
Hidup Sihat !	14
-Makanan Yang Baik Untuk MINDA	
Info	15
-Virus Komputer !!! Arghh !!!	
Jom Relaks !	16-18
-Sambungan "Asma' Sofia"	
-Warna Diri Anda	

Tolong-menolong merupakan satu amalan mulia yang sekarang ini semakin jarang dipraktikkan oleh rata-rata pelajar USM. Contohnya baru-baru ini terdapat satu kes di sebuah desasiswa jiran (melalui rakaman kamera litar tertutupnya) mendapati seorang lelaki yang tidak dikenali telah mencerooboh masuk ke dalam blok asrama perempuan. Penceroboh tersebut sedang bersandar sambil ber'sms' tanpa sebarang rasa takut. Apa yang menyedihkan, ada beberapa penghuni blok tersebut melintas di hadapan penceroboh tersebut tanpa ada rasa curiga dan tanggungjawab untuk melaporkan kepada pihak pengurusan mahu pun MPD. Akibatnya, dua buah alat 'GPS' milik salah sebuah pusat pengajian yang dipinjam oleh seorang penghuni desasiswa tersebut telah lesap. Setelah berlaku kes kecurian tersebut, barulah ada yang membuka mulut tentang kehadiran lelaki tersebut.

Sepatutnya setiap dari kita mestilah merasa peka terhadap kesalahan seperti pencerobohan ini. Apatah lagi yang mencerooboh itu adalah lelaki. Sekiranya sikap peka ini dapat disuburkan kepada setiap penghuni, sudah pasti kes kecurian seperti di atas dapat dipatahkan dari awal lagi. Bagaimanapun bukan semua penghuni yang tidak peduli tentang soal keselamatan tersebut. Alhamdulillah, masih ada yang mempunyai sikap kebertanggungjawaban yang tinggi di Saujana ini. Contohnya, baru-baru ini, kita berjaya menangkap seorang pencuri pakaian hasil kerjasama penghuni serta MPDS. Apa yang lebih terkilannya, suspek tersebut bukannya penghuni Saujana, tetapi menginap secara haram di sini. Akibatnya, penghuni yang melindungi orang luar tersebut telah dikeluarkan dari Saujana, manakala suspek tersebut diserahkan kepada pihak Polis. Marilah kita tanya kembali pada diri kita, adakah kita saling kenal mengenali akan jiran sesama kiub, jiran searas kita mahu pun bilik yang bersebelahan dengan kita? Kita harus mencari satu titik persamaan untuk merapatkan hubungan kita sesama penghuni demi untuk kepentingan bersama.

Di Saujana kita amat prihatin tentang pergerakan keluar masuk pekerja kontraktor yang bertugas untuk memperbaiki kemudahan di desasiswa. Kod pakaian penyelia asrama yang berwarna jingga dan pembantu penyelia asrama yang berwarna merah telah lama diperkenalkan dan dipraktikkan. Bagi pekerja kontrak pas khas untuk masuk ke dalam blok diwajibkan ke atas mereka supaya memudahkan penghuni untuk mengenalpasti sama ada pekerja atau pun penceroboh.

Untuk menyuburkan semangat muhibah sesama jiran/penghuni, kita perlulah terlibat sama dalam aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh desa mahupun universiti. Fikirkanlah faedah yang bakal anda perolehi sekiranya anda terlibat sama dalam aktiviti tersebut. Selain unit desa, mata MyCSD serta kemahiran insaniah, mereka yang terlibat dengan aktiviti seperti ini akan lebih terdedah pengetahuannya dengan sistem pentadbiran universiti ini. Malah ada pula yang berpeluang berinteraksi dengan masyarakat luar. Sekiranya kita telah mencuba buat pertama kali, sudah pasti rasa malu akan hilang dengan sendirinya. Rakan-rakan yang terdekat juga boleh membantu untuk mengatasi rasa malu serta ego. Oleh itu, libatkanlah diri dalam setiap aktiviti yang dijalankan oleh Saujana.

Sedikit perkembangan terbaru di Saujana yang ingin dikongsi, iaitu pada bulan Mei ini sebuah Projek Pengembaraan Kelestarian ke Korea Selatan bakal dilaksanakan. Ia bertujuan untuk mempelajari lebih banyak aktiviti mahu pun budaya yang berkaitan dengan kelestarian agar kemudiannya boleh diaplikasikan di Eco-Desa ini. Status Eco-Desa ini sebenarnya diperoleh selepas lawatan ke Kelestarian ke Jepun pada 2008 yang menjadi titik tolak bermulanya projek kelestarian di desa tercinta ini. Oleh yang demikian, kembara ke negara 'Winter Sonata' ini bertujuan untuk memantapkan lagi gagasan kelestarian di Saujana.

Selain itu, baru-baru ini, Saujana telah menambah kemudahan baru yang lain iaitu projektor yang ditempatkan di Cyber Saujana. Mini pawagam di Saujana ini diharap dapat mengurangkan kekerapan penghuni kita keluar menonton di pawagam di luar kampus yang jauh serta mahal harga tiketnya. Akhir sekali, sekiranya sesiapa mempunyai sebarang cadangan untuk menambah sebarang kemudahan kepada penghuni, anda bolehlah menyalurkan cadangan membina kepada saya sendiri melalui e-mel (mnm@usm.my) atau pun sms cadangan tersebut ke 019-4567913.

'Keunikan Suatu Keistimewaan'

Rumah Penggawa Saujana,

PERSONALITI

Personaliti kali ini membawa kita untuk mengenali felo Desasiswa Saujana, iaitu Dr Azidah. Mari kita sama-sama mengenali beliau dengan lebih dekat. Ayuh...

SAGA : Assalamualaikum Dr. Pertama sekali, ceritakan serba sedikit mengenai diri Dr.

DR. AZIDAH : Waalaikumsalam warahmatullahi wabarakatuh. Saya dilahirkan dan dibesarkan di Bentong, Pahang. Bersekolah di Bentong sehingga tingkatan 3 dan seterusnya tingkatan 4 dan 5 di Sekolah Menengah Teknik, Cheras, Kuala Lumpur. Saya kemudian melanjutkan pelajaran di University of Central Lancashire, United Kingdom dalam jurusan Graphic & Multimedia Design di bawah tajaan Kementerian Pendidikan Malaysia. Setelah tamat Ijazah pertama saya terus melanjutkan pelajaran di dalam Master of Education (Technology) di Universiti Teknologi Malaysia. Setelah saya memperolehi ijazah sarjana saya ditawarkan untuk berkhidmat di Jabatan Rekabentuk, Politeknik Johor Bahru. Saya kemudiannya memohon untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang kedoktoran di University of Canterbury, Christchurch, New Zealand. Alhamdulillah setelah mendapat PhD in Higher Education saya terus berkhidmat dengan USM sebagai Pensyarah di sini. Pada ketika ini saya mengajar di Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan dalam bidang pengkhususan ICT, Multimedia dan E-Learning.

SAGA : Bolehkah Dr. berkongsi serba sedikit pengalaman manis sebagai felo di Desasiswa Saujana ini?

DR. AZIDAH : Saya mula berkhidmat sebagai felo di Desasiswa Saujana pada pertengahan bulan Jun 2009. Terdapat pelbagai pengalaman paling manis yang saya lalui sepanjang saya di Desasiswa Saujana. Antaranya adalah sewaktu saya mengikuti mengiringi 15 orang pelajar mengikuti program Kembara 4 Negara iaitu ke Thailand, Malaysia, Singapura dan Indonesia. Sepanjang program tersebut saya bergerak dan berkonvoi bersama dengan pelajar-pelajar tersebut dari satu tempat ke satu tempat dan yang paling penting saya makan, tidur dan berjalan bersama-sama mereka di tempat yang sama di samping mempromosi Saujana sebagai Eco-Desa. Di Singapura di mana kami terpaksa bersempit-sempit di dalam sebuah bilik beramai-ramai memandangkan kos penginapan yang agak tinggi di sana. Bagi saya sepanjang perjalanan tersebut adalah pengalaman yang amat mampu memberikan pengalaman dan kenangan yang paling berharga kepada semua.

SAGA : Bagaimana pula dengan pengalaman pahit?

DR. AZIDAH : Sebenarnya tiada sangat pengalaman pahit yang saya lalui sepanjang saya berada di Saujana. Cuma ada satu pengalaman yang saya tak dapat lupakan adalah berkaitan seekor anjing hitam yang menjadi 'tetamu tetap' M04. Pada suatu hari saya dan anak saya (berumur 3 tahun) pulang ke rumah. Seperti biasa anak saya akan berlari-lari terus ke pintu rumah meninggalkan saya berjalan di belakang. Tanpa saya sedari rupa-rupanya anjing hitam tersebut sedang melepak di depan pintu rumah saya. Anak saya yang pada mulanya tidak perasan akan kewujudan anjing tersebut di depan pintu rumah. Bila dia sedar dia menjerit-jerit ketakutan dan saya sendiri amat terkejut dengan keadaan tersebut. Mujurlah tiada apa-apa yang tidak baik berlaku pada waktu itu. Alhamdulillah sekarang pihak pengurusan telah menambahkan grill di kawasan hadapan rumah felo M04 bagi mengelakkan terjadinya insiden yang sama. Saya juga ingin berpesan kepada penghuni-penghuni Saujana amnya dan penghuni-

penghuni M04 khasnya supaya berhati-hati dengan kewujudan anjing ini kerana anjing ini sememangnya amat menggemari M04 sebagai tempat istirahatnya.

SAGA : Apakah pendapat Dr. tentang Desasiswa Saujana?

DR. AZIDAH : Bagi saya Desasiswa Saujana adalah sebuah desa yang amat unik jika dibandingkan dengan desa-desa yang lain di USM. Oleh kerana kita adalah desa 'kaum hawa' jadi kita perlulah menunjukkan kelembutan kaum hawa di dalam setiap apa yang kita lakukan tanpa melupakan kekuatan dan keteguhan hati kaum hawa itu sendiri. Bak kata pepatah, tangan yang menghayun buaian mampu menggoncang dunia. Buat masa sekarang Saujana boleh menjadi pelopor kepada keunggulan dan keteguhan hati kaum hawa yang mampu menengahkan ciri-ciri positif dalam kehidupan tanpa melupakan keanggunan kaum hawa itu sendiri. Namun begitu Saujana tidak akan berkembang tanpa sokongan semua pihak. Jadi kita haruslah sama-sama berusaha ke arah kemakmuran dan kejayaan Saujana secara keseluruhan.

SAGA : Apakah harapan Dr. kepada Penghuni Desasiswa Saujana?

DR. AZIDAH : Harapan saya agar penghuni Desasiswa Saujana menganggap desa ini sebagai desa kita bersama. Apabila kita menganggap desa ini adalah kepunyaan kita, kita akan sama-sama memikul tanggungjawab untuk menjayakan dan menjaga nama baik Saujana. Saujana adalah rumah kita, tempat tinggal kita dan keluarga kita di USM. Jadi sama-samalah kita menjaganya seperti milik kita dan yang berat sama dipikul serta yang ringan sama dijinjing. Insya Allah Saujana akan tetap dihati kita di mana saja kita berada suatu hari nanti.

SAGA : Terima kasih kerana meluangkan masa untuk ditemu ramah.

DR. AZIDAH : Sama-sama





Pernah tak kita demam semasa kita di zaman budak–budak dahulu? Mesti pernah dan apa yang ibu kita akan lakukan? Bawa kita pergi jumpa doktor atau ibu sendiri yang jadi doktor di rumah? Ada tak ibu kita ambil tuala kecil, kemudian rendamkan dalam air asam jawa, kemudian ibu kita letakkan di atas dahi kita. Ada kan? Semestinya ada.

Di sini saya ingin kongsi sedikit tentang ilmu **FIQH PERUBATAN**.

APA PETUNJUK RASULULLAH S.A.W UNTUK RAWATAN DEMAM?

1. **Daripada Ibn Abbas r.a, Nabi s.a.w bersabda:** Sesungguhnya demam adalah daripada percikan api neraka, kerana itu sejukkanlah badan yang demam itu dengan air, atau baginda dengan kata lain adalah air zam–zam. Bagaimana caranya? Begini, renjislah air kepada tubuh atau berendam di dalam air.
2. **Daripada Anas bin Malik, Rasulullah s.a.w bersabda:** Apabila salah seorang daripada anda demam, hendaklah merenjiskan air sejuk ke atas tubuh badannya sebanyak tiga malam pada waktu sahur.
3. **Daripada hadis Nafi' bin Jubir, katanya Rasulullah s.a.w bersabda:** Apabila salah seorang daripada anda demam, sesungguhnya demam itu adalah sebahagian daripada api neraka, hendaklah memadamkannya dengan air sejuk. Hendaklah berendam dalam sungai yang mengalir, menghadap aliran air selepas solat subuh dan sebelum naik matahari dan hendaklah membaca Basmalah. Hendaklah berendam selama tiga kali selama 3 hari. Jika tak sembuh cubalah sebanyak 5x,7x atau 9x. Sesungguhnya ia tidak akan melebihi daripada 9x InsyaAllah.
4. **Daripada Jabir r.a katanya:** Rasulullah s.a.w pernah menemui Ummu al-Sa'ib kerana melawatnya. Baginda bersabda: "Kenapa anda menggigil? Jawabnya: Demam dan tidak ada keberkatan daripada Allah padanya. Sabda baginda s.a.w: Jangan mencaci demam, kerana sesungguhnya ia menghapuskan kesalahan anak Adam, sebagaimana mesin penghembus api menghapuskan karat–karat pada besi.

Baru kita tahu bahawa petua orang–orang tua dahulu sebenarnya ada sesetengahnya tertulis dalam hadis Nabi s.a.w. . Kerana itulah Nabi Muhammad s.a.w bersabda yang maksudnya: "Setiap penyakit itu ada penawarnya kecuali mati".



SMS...



Bengkel Pemantapan Akademik

Mendapat sambutan....

Pada 13 Mac yang lalu, Desasiswa Saujana telah menganjurkan satu bengkel akademik dengan kerjasama Unit Penasihat & Pembangunan Pelajar dan Sektor Kesejahteraan Pelajar USM. Bengkel ini terbuka kepada seluruh warga Kampus Induk dan kampus jiran kita iaitu Kampus Kejuteraan.

Program selama satu hari ini disertai hampir 100 orang peserta dan melibatkan beberapa orang fasilitator USM yang terdiri daripada pelajar 'Master'. Yang terhormat Timbalan Naib Canselor kita, Prof Omar Osman telah merasmikan program ini.

Dalam ucapan beliau, beliau menyatakan program sebegini adalah perlu untuk memantapkan tahap akademik pelajar sejajar dengan matlamat universiti APEX.

SUKAD @ KAMPUS KESIHATAN

johan bowling SUKAD..

Sukan Antara Desasiswa (SUKAD) yang berlangsung di Kampus Kesihatan baru-baru ini telah membawa kemenangan yang membanggakan apabila Saujana telah dinobatkan sebagai johan pertandingan bowling. Kemenangan ini sekaligus menaikkan kedudukan Kontigen Saujana di tempat ke2 secara keseluruhan. Tahniah diucapkan.

Bagi pasukan bola jaring Saujana pula, hanya mampu bertahan dalam penyertaan liga. Namun begitu, semangat mereka tidak mati disini kerana masih ada perjuangan yang belum selesai di medan SUKAD yang seterusnya akan berlangsung di Kampus Kejuteraan.



Debat Piala Naib Canselor

Perlawanan sengit...

Debat Piala Naib Canselor (DPNC) telah berlangsung pada 5 hingga 7 Mac 2010. Peserta seramai 5 orang telah mewakili Saujana dalam pertandingan yang berlangsung di bilik-bilik tutorial.

Dalam pertandingan ini, Saujana telah mendapat tempat ke 9 secara keseluruhan selepas memenangi 2 daripada 5 perlawanan. Pasukan lawan tersebut termasuklah Desasiswa Jaya, Tekun, Bakti Permai (2 perlawanan) dan Nurani.

Pasukan Saujana tampak hebat di gelanggang perdebatan. Perlawanan adalah amat sengit kerana semua para pendebat adalah sangat hebat. Walaubagaimanapun, tahniah diucapkan buat peserta yang mewakili Saujana.

Pihak kami difahamkan yang mereka telah berusaha keras berlatih pada setiap malam sebelum pertandingan. Kesungguhan mereka ini perlulah dijadikan contoh kepada kita semua. Dimana ada kemahuan, di situ ada jalan.

SUKAD @ Kampus Kejuruteraan

Lawan sehabis baik...

Pada 5 hingga 7 Mac baru-baru ini, SUKAD seterusnya ke peringkat seterusnya yang telah diadakan di Kampus Kejuruteraan di Nibong Tebal. Antara acara yang dipertandingkan adalah pertandingan handball dan ping pong.

Semua peserta telah bermain dengan baik. Hasil daripada kesungguhan mereka bermain, Saujana telah berjaya masuk ke peringkat suku akhir.

Namun begitu, pasukan handball kalah di tangan Desasiswa Nurani dan Aman Damai. Begitu juga pasukan pingpong yang hanya berjaya ke semi-final dan kecundang ke tangan Jaya.

Walaubagaimanapun, tahniah diucapkan.

KENDURI SEKAMPUNG

apa yang penting, KERJASAMA !

Kenduri Sekampung anjuran Desasiswa Tekun , bersama Desasiswa Saujana dan Restu telah diadak Perarakan M perarakan \ Desasiswa R di sekitar K hadapan bai 9.30 pagi.



isamping itu, kan di mana uni-penghuni) dijalankan bermula di pada pukul

Selepas perarakan, penyediaan bubur lambuk pula dijalankan. Kerjasama antara penghuni RST dapat dilihat apabila kami bersama-sama menyediakan bahan masakan, memasak dan membungkus bubur lambuk untuk dibahagikan kepada penghuni desasiswa RST yang lain.

Pembahagian bubur lambuk dibahagikan sama rata di mana setiap blok mendapat 50 bungkusan. Kenduri Sekampung tamat tepat pada pukul 2 petang.

Diharapkan program sebegini dapat diadakan lagi pada masa hadapan bagi mengeratkan hubungan antara penghuni RST.

TEMASYA OLAHRAGA TAHUNAN (TOT)

Kembali Megah..

Pada 27 hingga 28 Mac 2010 baru-baru ini, Temasya Olahraga Tahunan USM telah diadakan bertempat di Stadium Olahraga USM di USM Induk. Dengan bertemakan Temasya Melestarikan Bumi Hijau, temasya ini telah disertai oleh 16 desasiswa termasuklah desasiswa dari Kampus Kesihatan dan Kampus Kejuruteraan.

Melihat kepada kejayaan yang dirangkul oleh Desasiswa Saujana kali ini, kejayaan ini adalah amat dibanggakan ; dengan kejayaan 2 pingat emas dan 3 pingat gangsa berbanding tahun lepas. Sehubungan dengan itu, kedudukan Saujana telah melonjak naik dan menjadi antara 'top 5' bagi johan keseluruhan perempuan.

Tahniah buat kontigen Desasiswa Saujana yang telah mengharumkan nama Srikandi Saujana .Ini menunjukkan semangat sukan yang tinggi dalam diri penghuni Saujana yang terdiri daripada penghuni perempuan belaka.

GROOMING CLASS

Best !!!

Pada 28 Mac 2010, Exco Korporat dan Perantarabangsa Majlis Perwakilan Desasiswa Saujana telah menganjurkan Grooming Class yang bertempat di Bilik Sri Kandi Saujana. Program ini bermula pada pukul 10 pagi dan tamat pada pukul 1.30 petang.


Pelbagai aktiviti yang menarik dijalankan. Antaranya ialah teknik-teknik mencuci muka dengan betul, tatacara merias muka, teknik menarik pemakaian selendang dan sebagainya. Teknik-teknik ini adalah penting untuk dipelajari terutamanya untuk diaplikasikan ketika menghadiri jamuan, ke kelas dan bekerja.

Program ini mendapat sambutan yang memuaskan. Para peserta yang hadir juga amat berpuas hati dan riak wajah gembira juga tergambar ketika aktiviti dijalankan.



Iklan..

Alumni Desasiswa Saujana
@



Makanan Yang Tidak Baik



Untuk MINDA



- Sering makan makanan atau buah-buahan yang masam, yang tinggi kandungan asidnya seperti epal hijau secara berlebihan boleh menyebabkan lupa menurut Imam Az-Zuhri.
- Makan bawang besar terutama yang mentah secara berlebihan juga boleh menyebabkan lupa.
- Makan terlalu kenyang menyebabkan malas dan mengelapkan akal (malas berfikir).
- Sering makan organ dalaman binatang seperti hati, perut, jantung dan limpa secara berlebihan menyebabkan mudah lupa.
- Makan makanan sisa haiwan perosak seperti semut, lipas dan tikus menyebabkan otak mudah lupa menurut Imam Az-Zuhri.
- Sering makan kepala ikan boleh menyebabkan lupa kerana kepala ikan terutamanya otak dan bahagian insang mengandungi kadar asid yang sangat tinggi.
- Makan atau minum dari sumber yang haram akan membutakan hati dari menerima kebenaran.



Kerap makan makanan yang dimasak dan dijual dipasar yang sibuk dan kotor juga boleh mempengaruhi perkembangan otak.

- Rasulullah s.a.w menggalakkan umatnya memasak makanan sendiri dan tidak menggalakkan makan dan minum di luar kerana ini lebih menjamin kehalalan dan kesuciannya.

Sabda Rasulullah s.a.w “Kebiasaan (amalan) makan dan minum di pasar adalah suatu yang merendahkan martabat” hadis riwayat Ad-Dailami.

Anda sudah tahu bukan akan apa yang perlu anda titik-beratkan sewaktu memilih makanan yang baik untuk minda.

SELAMAT BERAMAL dan SELAMAT MAJU JAYA KAWAN-KAWAN !!!

VIRUS !!! ARGHHH !!!



Apakah **Virus Komputer** ?

Virus komputer ditulis atau dicipta oleh pengaturcara komputer (programmer), Lazimnya mereka ini amat mahir mengendalikan sesuatu bahasa aturcara, ini adalah kerana untuk menulis virus, seseorang pengaturcara haruslah mahir mengendalikan sesuatu bahasa aturcara itu melebihi paras kemampuan pengaturcara biasa. Pengaturcara komputer yang mampu menulis virus digelar psychopath.

Jenis-jenis Virus

Virus komputer

- merupakan program komputer yang berupaya menyalin dirinya sendiri dan menjangkiti komputer tanpa kebenaran ataupun pengetahuan pengguna.
- boleh tersebar apabila hosnya sampai ke komputer lain, contohnya melalui rangkaian atau perantara mudah alih seperti cakera liut, cakera padat atau pemacu kilat USB.
- virus juga boleh merebak dengan menjangkiti fail pada sistem fail rangkaian atau mana-mana sistem gagal yang dicapai komputer lain.

Cecacing komputer

- sejenis atur cara komputer yang boleh mereplikakan diri sendiri.
- ia menggunakan rangkaian untuk menghantar salinannya kepada nod-nod lain (terminal komputer dalam rangkaian) dan boleh melakukannya tanpa bantuan pengguna.
- tidak perlu berpaut pada atur cara yang sedia ada untuk disebarikan seperti virus.
- selalunya akan memudaratkan rangkaian (sekiranya ia hanya memakan lebar jalur)

Kuda Trojan

- pada mulanya tidak melakukan apa-apa, ia seperti permainan elektronik, perisian tertentu yang berfungsi seperti biasa tetapi pada keadaan tertentu ia akan melakukan tugasnya.
- pada mulanya tidak melakukan apa-apa, ia seperti permainan elektronik, perisian tertentu yang berfungsi seperti biasa tetapi pada keadaan tertentu ia akan melakukan tugasnya.

Time Bomb

- tidak membuat salinan dirinya.
- bertindak mengikut tarikh tertentu.
- lazimnya ia dilakukan oleh pengaturcara yang tidak berpuashati dengan majikannya atau untuk tujuan pemusnahan.
- Time Bomb akan dimasukkan kekomputer dan apabila tiba pada tarikh tertentu (lazimnya pada tarikh ini pengaturcara tersebut sudah berhenti dari syarikat itu) ia akan memadam kesemua fail-fail di dalam komputer tersebut termasuklah fail sistem.

Sambungan~~

ASMA' SOFIA

Bertemankan Kalamullah, aku menjadikan ayat-ayat di atas sebagai penguat semangat diri.

“Sayang, mari kita berjemaah,” ajakan Asyraf Husaini mematikan lamunan aku.

Kucupan darinya di dahi ini masih segar. Sesegar beberapa tahun yang lepas. Dia meraih tanganku, mencium dengan sopan sekali. Malam itu aku tidur berbantalkan lengannya yang sasa. Terasa enak sungguh. Tidak terasa masa yang berlalu pantas. Malam esok, lengan malah tubuh serta hatinya harus aku kongsi dengan wanita lain. Jujur, aku masih belum bersedia.

Pagi yang nyaman, indah, damai lagi menyegarkan. Aku membuka mata perlahan-lahan.

Pelukan Asyraf Husaini masih kemas merangkul pinggangku.

Ya Allah, aku tidak ingin saat ini berlalu pergi.

Sayup-sayup kedengaran laungan azan Subuh. Ya Allah, masanya semakin dekat.

Pagi yang dijanjikan. Selesai solat berjemaah, suamiku berwirid dan berdoa. Agak panjang doanya kali ini.

“Ya Allah, Tuhan Yang Maha Pengasih. Panjangkan jodoh hambaMu ini bersama Asma' Solehah binti Muhammad. Jadikanlah dia seorang isteri yang solehah dalam mentaatiMu, yang memiliki pekerti yang mulia dalam menjalankan kewajipan sebagai isteri kepada hambaMu ini. Kurniakan dia syurga yang indah. Kurniakan dia ketenangan hati. Anugerahkan dia cahaya iman agar hidupnya bertambah bahagia.

Ya Allah, Tuhan Yang Kaya Dengan Kasih Sayang. HambaMu ini memaafkan dosa-dosa isteri hambaMu ini sejak hari pernikahan kami hingga ke sampai satu waktu yang hanya Allah mengetahuinya. Sesungguhnya dia adalah sebaik-baik wanita yang telah dihiahihkan olehMu Ya Allah. HambaMu ini bersyukur atas segalanya ya Allah,”

Khusyuk. Sayu. Mengharukan jiwa.

“Sayang, ini hadiah ulangtahun kita,”

Di tangannya ada hadiah berbalut cantik. Berbalut kemas dengan wrapping paper berbunga kecil warna ungu. Sungguh itu adalah warna kesukaanku. Jubah ungu lembut bersulam bunga-bunga kecil. Ya Allah, ini adalah jubah yang sama yang dilihat semasa di Butik Mujahidah. Jubah yang telah mencuri perhatianku semasa kami sekeluarga bersantai di Kompleks PKNS Shah Alam.

“Pakailah. Ikut abang ke masjid,” dia bangun menuju ke bilik air.

Aku terduduk. Perlukan aku bersama-sama menghadiri majlis pernikahan itu. Penting sangatkah aku di sana. Andai aku tiadapun, pernikahan pasti akan berlangsung juga.

Haruskah aku...

Antara sedar atau tidak, aku kini berada di dalam masjid nian indah ini. Dingin. Sejuk. Mendamaikan.

Kehadiran insan-insan lain di sekeliling aku seperti baying-bayang. Aku terasa terbuai dek perasaanku ini.

Ya Allah, kuatkan hatiku.

Pasti suamiku itu hanya membilang saat bergelar suami kesekian kalinya. Pasti dia sedang sibuk menjeling kearah bakal maduku. Ahh hati...

Aku menoleh ke arah wanita yang bakal menjadi teman kedua suamiku. Aduhai, indahnya ciptaan Tuhan. Cantiknya dia. Berpadanan benar dengan suamiku. Aku hanya tertunduk kemudiannya.

Tugas aku telah selesai.

Merestui satu hubungan yang halal melalui persetujuan aku. Selebihnya kuserahkan pada yang berhak lagi utama.

Pasangan pengantin sudah mengambil tempat. Tok kadi sudah mengadap bakal pengantin.

Peluh dingin memercik halus. Dadaku berdebar.

Ijab bersaksi, qabul direstui.

Aku mengangkat wajahku. Harus bagaimana?

Sugul atau maniskah wajahku.

“(Kebiasaannya) wanita-wanita yang jahat adalah untuk lelaki-lelaki yang jahat. Lelaki-lelaki yang jahat juga adalah untuk wanita-wanita yang jahat. Dan sebaliknya wanita-wanita yang baik adalah untuk lelaki-lelaki yang baik serta lelaki-lelaki yang baik adalah untuk wanita-wanita yang baik.” – Surah al-Nur: 26.

Aku dirias cantik bak bidadari kayangan. Seperti cerita dogengan arwah nenek. Berjubah polos putih suci. Di hadapan aku tersergam megah sebuah binaan yang kukira mahligai yang paling indah.

Sungguh indah. Indah nya tiada ungkapan kata yang mampu kugambarkan. Berseri-seri. Serinya bagaikan mengandungi cahaya yang menusuk jiwa. Wanginya. Wanginya bagaikan haruman yang mampu merungkai keresahan hati.

Sungguh aku terpesona. Di manakah aku saat ini?

Pintu mahligai terbuka perlahan-lahan. Sekumpulan wanita-wanita yang terlalu cantik berbaris turun. Lagaknya mahu menyambut ketibaan orang penting sahaja. Seorang wanita yang akhir sekali memunculkan diri di hadapanku terlalu cantik.

Sedangkan aku yang wanita ini sudah mengakui kecantikan ketua bidadari itu apatah lagi lelaki yang memandangnya. Mahu gila angau sejuta bulan. Mahu tidur tidak nyenyak, mandi tidak basah, makan tidak kenyang.

Cantiknya dirimu. Terpancar kesucian yang jelas daripada wajahnya. Inikah bidadari seperti yang dijanjikan khabarnya menerusi ayat-ayat cintaNya?

Sungguh, aku terkesima memandangnya. Inikah Hurun Ain seperti yang pernah aku baca kewujudannya untuk berdamping setia dengan lelaki soleh lagi mulia.

Dia memimpinku dengan senyuman paling manis yang pernah dihadiahkan kepadaku. Meraih lenganku dengan mesra. Lagaknya seperti dia mengenalku sekian lama. Aku menurut sahaja. Tidak pula membantah. Lalu kami ditaburi kelopak mawar merah. Kami menuju ke dalam mahligai. Aku bagaikan orang dipukau. Dipukau dengan keindahan yang terbentang di hadapan mataku ini. Barisan wanita-wanita cantik tadi melagukan selawat.

Sedap bunyinya. Berirama merdu. Cukup mendamaikan.

Melangkah sahaja kakiku, deria rasaku disapa wangian yang cukup mewangikan. Ditegur kedinginan yang menyamankan. Diacah kecantikan mata.

Nun disinggahsana berdiri seorang lelaki segak bergaya. Susuk tubuh yang amat kukenal. Dia suamiku. Ya, mataku tiada salahnya. Dia suamiku. Suami yang kucintai.

Sememangnya aku mula terasa kerdil apabila melihat bidadari cantik itu. Aku tidak mampu untuk

berdamping dengan lelaki yang amat kucintai itu. Hanya kerana bidadari itu adalah terlalu sempurna untuk berdamping sepadan dengan suamiku. Sesuatu yang tidak kuduga, suamiku menghulurkan tangannya. Bidadari cantik itu memimpin aku yang tampak teragak-agak. Menyambut huluhan yang amat bererti itu. Lalu aku didudukkan di samping suamiku. Suamiku mencium dahiku. Hangat dan sarat dengan limpahan mahabbah.

“Wahai wanita yang diredhai suami, engkau adalah Ketua Bidadari. Engkau adalah Bidadari Untuknya.

Untuk lelaki soleh itu. Kami ini adalah teman pendampingmu.” Lembut tutur bicara bidadari cantik itu.

Menitis air mataku. Teringat aku satu janji Pencipta.

Firman ALLAH S.W.T yang bermaksud:

“(Kebiasaannya) wanita-wanita yang jahat adalah untuk lelaki-lelaki yang jahat. Lelaki-lelaki yang jahat juga adalah untuk wanita-wanita yang jahat. Dan sebaliknya wanita-wanita yang baik adalah untuk lelaki-lelaki yang baik serta lelaki-lelaki yang baik adalah untuk wanita-wanita yang baik.” – Surah al-Nur: 26.

Seruan azan Subuh membuatkan aku terjaga. Kukalihkan tempat beraduku. Di sampingku seorang lelaki yang telah Allah muliakan kedudukannya dalam mimpiku. Aku mengesat titis tangis yang terkesan daripada khabar gembira mimpi tadi.

Sungguh aku bersyukur. Aturan suamiku yang membahagiakan.

Majlis pernikahan yang berlangsung tiada halangan. Segalanya dipermudahkan. Pengantin itu mendatangkiku. Aku terasa satu perasaan yang amat lapang. Lantas kuangkat wajahku.

Pengantin muslimah itu bersalam hormat denganku. Lalu aku dicium dan dipeluknya. Kejap, kemas. Menusuk hingga ke kalbu.

Manik-manik juraian air mata pengantin baru itu tumpah ke tudungku.

“Terima kasih akak,” ujarnya dalam sebak.

“Akak adalah wanita terbaik untuk suami. Wanita solehah yang dijanjikan dalam Al-Quran. Benar ayat-ayat Allah. Subhanallah,”

“Bantulah saya untuk menjadi isteri yang membahagiakan suami saya,” Kelu. Khali.

“Ya, bantulah isteri saya untuk menjadi isteri yang tahu menghargai betapa bernilainya sebuah perkahwinan. Kerana perkahwinan adalah cara untuk

memahami erti saling memberi. Saling menghargai. perkahwinan adalah perjuangan untuk sama-sama berkongsi pahala demi jannah yang diimpikan,” Leka aku mendengar “pertolongan” daripada sepasang pengantin baru.

Aku mendongak. Aku terkejut.

Lelaki itu adalah Naufal Fahmi, teman akrab suamiku. Dia yang segak bergaya. Berbusana muslim. Seri seorang pengantin terpancar.

Di sebelahnya adalah lelaki yang kucintai. Tersenyum.

Pesan suamiku pada merpati sejoli itu,

“Jagalah hati isteri, jangan disakiti, jangan dilukai, kerana ia amanah Ilahi. Bila bahagia membuatkan diri

menjadi suci, isteri seorang terasa cukup di hati. Tidak perlu menikah lagi. Belajarlah membahagiakan satu isterimu,”

Bagaimana agaknya raut wajahku ketika itu? Mahu tersenyum, terasa sebu di wajah menahan malu.

Ketika sesi bergambar, suamiku membisikkan sesuatu.

“Bidadari di sana pasti cemburu kerana bidadari di sisi Abang adalah yang terpilih oleh Ilahi,”

Sungguh bidadari itu untuknya. Bidadari untuk suami yang membahagiakan satu isterinya.



WARNA bagi kamu

Warna ternyata mempunyai banyak definisi. Warna mampu mengungkap watak peribadi seseorang. Jika kamu mahu mengenali sifat peribadi temanmu, senang saja, kamu hanya perlu tahu warna kesukaannya sahaja.

MERAH- Temanmu mempunyai watak yang kasar. Tetapi dia juga mempunyai perwatakan ceria dan mempesonakan.

BIRU- Si dia adalah seorang yang penyabar dan romantik. Mudah memaafkan kesalahan orang lain.

HITAM- Si hitam adalah penyayang dan pandai menyimpan rahsia tapi lemah dalam menunaikan janji. Walaupun begitu si dia memang jenis yang penyayang.

UNGU- Oh...nasib kamulah jika mempunyai teman yang sukakan warna ungu. Mereka ini selalu merasa bangga dengan kemampuan diri sendiri dan asyik tidak setuju dengan pendapat orang lain. Namun begitu si dia mempunyai tekad yang tinggi untuk mencapai apa yang diinginkan.

KUNING- Begini dik....si dia tidak begitu kuat memegang rahsia. Si dia juga suka berkhayal. Tetapi janganlah kamu bimbang. Si dia masih menyayangimu. Apa yang boleh di banggakan,si dia mempunyai sikap yang baik, dan bersopan santun dengan sesiapa sahaja.

HIJAU- Si dia seorang yang sukakan sesuatu yang seni. Seleranya tinggi, tetapi kamu harus ingat si dia adalah seorang yang kuat cemburu. Pandai-pandailah kamu mengaturnya.



UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA YANG TERLIBAT DALAM MENYIAPKAN BULETIN SAGA EDISI MAC 2010

PENASIHAT BULETIN SAGA

CIK NUR RAZEANY BT MOHAMED @ RAZLAN

PEMANTAU EXCO ICT DAN MEDIA

MASTURAH BT MOHD NARAWI

Daripada kami....

AMY, FINA, ZIRA, ZATY

